



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

1. (a) SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU KESIHATAN AWAM
- (b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- (c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN
- (d) GRED : U1

2. JADUAL GAJI

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

3. SYARAT LANTIKAN

3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)

(Gaji permulaan ialah pada Gred U1: RM1,500.00);
atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U1: RM1,561.00);

- | | |
|--|--|
| 4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU | 4.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 5. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA | 5.1 Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| 6. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN | 6.1 Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none">(a) memenuhi tempoh percubaan;(b) memiliki Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [bagi pegawai yang dilantik menggunakan kelayakan di perenggan 1(a)(i)];(c) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| 7. TARAF JAWATAN | 7.1 KONTRAK (INTERIM) |